

PERSADA MINDA JKR 2017

MINDA MERDEKA – MOHAMAD SALEHHUDDIN OTHMAN.



Pekan Lenggong circa 1970an.

Jalan Persekutuan FT 76 merentasi geologi yang mencabar untuk membawa pemandu jalanraya dari Kuala Kangsar ke Grik, Perak. Ini juga merupakan satu-satunya jalanraya untuk sampai ke Kroh (kini dikenali sebagai Pengkalan Hulu) dan Betong sebagai laluan ke Thailand pada masa dahulu.

Jajaran asal jalanraya ini amat mencabar dengan selekoh-selekoh yang tajam seperti ular kena palu. Saya masih ingat setiap kali cuti persekolahan di tahun 1960an kami sekeluarga akan membuat perjalanan dari Kuala Lumpur ke Lenggong, Perak dan laluan inilah yang menjadi cabaran dalam perjalanan selama 8 jam pada masa itu. Walaupun hanya berjarak sejauh lebih kurang 60km ianya akan mengambil masa lebih 1 jam untuk sampai ke Lenggong dari Kuala Kangsar. Sebagai kanak-kanak sekolah rendah pada tahun 1960an itu, sebiji tin MILO kosong memang menjadi keperluan bagi perjalanan di Jalan Kuala Kangsar - Lenggong ini. Apa lagi, apabila dah pening dan loya, tutup tin dibuka dan ... Wek!, isi perut dimuntahkan dalam tin tersebut dan ditutup kembali secepat mungkin sebelum lain-lain penumpang kereta tupang pening dengan bau yang menyemarak.



Jalan ke Lenggong.

Pada zaman post kemerdekaan dan juga selepas kemerdekaan juga, Jalanraya Kuala Kangsar – Grik (FT76) ini masih dilalui oleh konvoi-konvoi lori tentera dan kereta-kereta perisai tentera untuk menjaga keselamatan rakyat terutamanya dengan ancaman komunis di kawasan Sauk, Grik dan Kroh. Dengan laluan yang berliku-liku ini memudahkan ancaman serang hendap di bahagian-bahagian tertentu jalan. Memori imej konvoi-konvoi tentera ini dengan bunyi enjin trak tentera tidak mudah dilupakan dan juga menjadi satu perkara yang menarik bagi seorang kanak-kanak yang sememangkan terpegun dengan jentera-jentera dan lori-lori tentera ini, apa tah lagi dengan kereta-kereta perisai yang gah itu.



Ferret Scout Car Batalion 4 Rejimen Sempadan

Bergerak ke hadapan ke tahun 1995, seksyen jalan dari Grik ke Lenggong telah dinaiktaraf untuk membaiki keselamatan jalan tersebut dan banyak bahagian jalan diluruskan. Banyak selekoh-selekoh, terutamanya sepanjang jajaran Sauk ke Kuala Kangsar diluruskan dalam Fasa ke-2 yang disempurnakan pada tahun 2002. Ini telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Apa yang menjadi kepuasan kepada saya adalah kembalinya saya ke lokasi ini pada tahun 2001 sebagai Jurutera di Jabatan Kerja Raya dan berpeluang untuk memberi bakti balik ke tanahair tercinta dengan melibatkan diri dalam pelaksanaan fasa terakhir dari Lenggong ke Sauk (di Pasukan Projek Khas, JKR Perak). Jalanraya FT76 telah dinaiktaraf dengan pembinaan jajaran baru, meluruskan selekoh-selekoh jalan dan pembinaan Jambatan Raja Muda Nazrin Shah di Tasek Raban.



Jambatan Raja Muda Nazrin di Tasek Raban.

Inilah hasilnya Kemerdekaan yang dicapai Malaysia yang dari jalan yang digunakan oleh tentera Jepun di Peperangan Dunia Ke-2 untuk mara dari Pattani ke Ipoh semasa "Battle of Malaya" (tahun 1941 – 1942), Perjanjian Baling pada 1955 diantara Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan selepas kemerdekaan dengan berlakunya kejadian rampasan senjata di Sauk, Lenggong pada Julai 2000, penglibatan Jabatan Kerja Raya Malaysia sememangnya ada dalam lipatan sejarah Malaysia dan semoga akan ada penglibatan terus untuk memajukan lagi Malaysia dengan kemudahan prasarana yang dibantu dibinakan. Dengan berpandukan kepada semangat Minda Merdeka adalah diharapkan generasi muda dapat meyelam sekali-sekala ke dalam lipatan sejarah Malaysia untuk melihat dan mengambil iktibar usaha-usaha dan penglibatan JKR dan dengan itu membakarkan semangat yang baru untuk membentuk Minda Merdeka dalam usaha-usaha baru yang boleh membawa pembangunan negara dari penjajahan tanah air kita.

MOHAMAD SALEHHUDDIN OTHMAN,
JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN,
JKR PERAK.